

04 MAR 2002

DR MAHATHIR JUMPA KIM YONG NAM

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menemui Ketua Dewan Perwakilan Tertinggi Korea Utara Kim Yong Nam yang sedang dalam rangka lawatan tiga hari ke Malaysia.

Perjumpaan di hotel penginapan Kim itu berlangsung kira-kira 30 minit.

Turut hadir ialah pemangku Menteri Luar Datuk Azmi Khalid yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Petang ini, Kim dijadualkan mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir di Putrajaya dan mereka kemudiannya akan mengetuai delegasi masing-masing dalam mesyuarat membincangkan kerjasama dua hala.

Malam ini, Kim akan diraikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail pada majlis santapan negara di Istana Negara.

-- BERNAMA

RV AHH MOZ